

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB PUAN TERESA KOK SUH SIM**  
**[SEPUTEH ]**  
**TARIKH : 27 Mei 2015**  
**SOALAN :**

**YB Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tempoh menunggu seorang graduan kursus perubatan untuk menjalani 'housemanship' di hospital tempatan. Apakah nisbah di antara houseman dan pesakit di hospital awam sekarang berbanding tahun 2005 dan apakah langkah Kementerian untuk mengatasi masalah kelebihan doktor di Malaysia.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pada masa ini, pengambilan Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) dibuat setiap 2 bulan. Oleh kerana pemilihan hospital untuk penempatan latihan siswazah adalah dibuat sendiri oleh PPS secara atas talian melalui *e-houseman* (dengan izin) tertakluk kepada kekosongan jawatan, maka tempoh menunggu untuk menjalani latihan siswazah bergantung kepada pilihan masing-masing. Jika graduan memilih untuk ditempatkan ke hospital di luar Lembah Klang yang mempunyai banyak

kekosongan, maka tempoh menunggu adalah lebih singkat. Sebaliknya jika graduan tersebut berhasrat untuk bertugas di hospital yang tiada kekosongan, maka tempoh menunggu akan menjadi lebih lama. Selain itu, tempoh menunggu juga bergantung kepada jumlah graduan di dalam dan luar negara yang melapor diri.

Pada tahun 2005, nisbah PPS kepada katil pesakit adalah 1 nisbah 10 hingga 14 . Pada masa kini, nisbah bagi PPS dan katil pesakit adalah 1:4. Walau nisbah ini berkurang, namun sebenarnya pendedahan kepada pesakit secara keseluruhan adalah masih hampir sama kerana kini pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melaksanakan sistem bekerja flexi, pertambahan bilangan hospital, pertambahan bilangan pakar, pertambahan bilangan pesakit serta pendedahan di klinik pakar, unit rawatan harian, dewan bedah dan lain-lain.

Bagi membendung peningkatan mendadak bilangan graduan perubatan, Kerajaan telah melaksanakan moratorium bagi semua permohonan kursus baru bagi bidang perubatan di Institut Pengajian Tinggi (IPT) dalam negara untuk tempoh 5 tahun mulai 1 Mei 2011 sehingga 30 April 2016. Pihak KKM dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedang bekerjasama menyediakan Memorandum Jemaah Menteri antara lain bagi untuk meneruskan Moratorium tersebut sekurang-kurangnya bagi tempoh lima (5) tahun lagi dan memperketatkan lagi syarat kelayakan minima kemasukan ke program perubatan.